

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**26 MAC 2021**

---

**1. PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020**

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-82 pada 11 Julai 2020, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa jua lapangan. Tahniah kepada Ahli Majlis dan kakitangan yang menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020.

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Jabatan / Bahagian</b>	<b>Pingat</b>
1.	Anuar bin Yussoff	Ahli Majlis	-	-	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
2.	Mohamad Nizam bin Md Shariff	Penolong Pengarah Kanan	WA44	Perbendaharaan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
3.	Mohd Hazren bin Mohd Zahir	Penolong Pengarah Kanan	J44	Perancang Bandar	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
4.	Abd Wahab bin Jaafar	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Kanan	U36	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
5.	Syed Abdul Rahman bin Saiyid Hashim	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Kanan	U32	Perkhidmatan Kesihatan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
6.	Rahida binti Abdul Rahim	Penolong Akauntan Kanan	W32	Unit Audit Dalam	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
7.	Azliza binti Ishak	Penolong Pegawai Tadbir	N32	Direktorat Penguatkuasaan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
8.	Muhidin bin Mokhtar	Penolong Pegawai Senibina Kanan	JA36	Bangunan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
9.	Marina binti Zainol Abidin	Pembantu Tadbir	N22 (KUP)	Kemasyarakatan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
10.	Chandrasegaran a/l Subramanian	Pembantu Awam	H11	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
11.	Md Nor bin Sepiey	Pengawal Keselamatan	KP11	Keselamatan dan Komuniti	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
12.	Muhammad Putera bin Saad	Pembantu Awam	H11	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
13.	Ahmad bin Abu Hassan	Pembantu Awam	H11	Landskap	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)

## **2. MAJLIS CABUTAN PEMENANG “PROMOSI BAYAR CUKAI 2021 & MENANG” BAGI PEMBAYARAN MELALUI KIOSK, AGENSI ATAU SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)**

Dimaklumkan MBSP telah mengadakan “Promosi Bayar Cukai 2021 & Menang” khas bagi pembayaran secara dalam talian (online), kiosk atau agensi yang bermula pada 1 Disember 2020 dan tamat pada 28 Februari 2021. Dalam promosi ini, MBSP telah berjaya memperolehi kutipan sebanyak RM 96.6 juta dan jumlah tersebut telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM 85 juta.

Jumlah transaksi tanpa tunai bagi keseluruhan kutipan hasil MBSP bagi tahun 2021 telah menunjukkan peningkatan sebanyak **11.5%** berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu daripada **119,752 transaksi** kepada **133,484 transaksi**. MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab membayar cukai taksiran pada masa yang ditetapkan.

Sempena promosi ini, hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan MBSP adalah khusus kepada pembayaran secara *online*, agen kutipan dan kiosk sahaja. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 8	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 9	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke- 40	Pelbagai hadiah lain

Senarai **empat puluh (40)** pemenang mengikut turutan hadiah akan ditentukan terus dalam Majlis Cabutan Pemenang yang akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini.

MBSP juga berbesar hati mengucapkan jutaan penghargaan kepada pihak **Amlislamik Bank Berhad** yang turut serta

menjayakan program promosi pada kali ini dengan menaja **sepuluh (10)** hadiah tambahan. Hadiah cabutan bertuah ini merupakan cabutan berganda yang ditawarkan khas kepada pemilik premis yang membuat pembayaran melalui **JOMPAY**. Ini menjadikan jumlah keseluruhan hadiah yang ditawarkan sempena promosi kali ini adalah sebanyak **lima puluh (50) unit**.

Analisa telah dibuat dan mendapati sebanyak **43,041 akaun** telah layak untuk menyertai cabutan bertuah kali ini berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Manakala sebanyak **5,761 akaun** telah layak untuk cabutan bertuah kategori JOMPAY.

Sebagai langkah kawalan pencegahan penularan wabak pandemik Covid-19, pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MBSP melalui telefon, emel atau surat untuk urusan tuntutan hadiah. Pemenang akan diminta untuk menetapkan temujanji dan urusan tuntutan perlu dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) mulai pada 27 Mac 2021 (Sabtu).

### **3. SAMBUTAN RAMADHAN AL-MUBARAK**

Dimaklumkan pada 13 April 2021 (Selasa), seluruh umat Islam dijangka menyambut awal Ramadhan. Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak untuk bulan suci Ramadhan penuh berkah buat semua yang beragama Islam.

### **4. NUZUL AL-QURAN**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Nuzul Al-Quran yang bakal disambut pada 29 April 2021 (Khamis). Marilah kita beramai-ramai berdoa semoga wabak Covid-19 dapat segera diangkat oleh Allah S.W.T..

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**